

21 SEP 2003

ABDULLAH MINTA P/JAYA TINGGI M'SIA DI PAKISTAN SIASAT PELAJAR

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengarahkan Persuruhjaya Tinggi Malaysia di Pakistan menyiasat mengenai penahanan 13 pelajar Malaysia "kerana terbabit dalam aktiviti tidak sihat yang bertentangan dengan kepentingan Pakistan".

"Saya akan minta Persuruhjaya Tinggi di Islamabad menyiasat mengenainya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Ensiklopedia Dr Mahathir Bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini malam ini.

Beliau diminta mengulas laporan berita dari Karachi semalam yang memetik pegawai keselamatan Pakistan sebagai berkata bahawa 13 rakyat Malaysia dan dua warga Indonesia ditahan kerana pembabitian mereka dalam aktiviti yang bertentangan dengan kepentingan Pakistan.

Laporan itu juga menyebut bahawa penyiasat mahu menentukan sama ada mereka yang ditahan dari sebuah sekolah agama itu mempunyai hubungan dengan rangkaian Al-Qaeda pimpinan Osama bin Laden dan sama ada mereka merancang melakukan serangan.

-- BERNAMA

NER HS LAT